

# Emkay unjur RM600 juta bangunkan Pulau Banding

Oleh WAN SYAMSUL  
AMLY WAN SEADEY

**PERAK** 24 Julai - Kumpulan Syarikat Emkay mengunjurkan kos pembangunan kasar bernilai RM600 juta untuk menjadikan Banding di Perak sebagai sebuah destinasi pelancongan bertaraf dunia dalam tempoh masa 10 tahun akan datang.

Pengerusi Eksekutifnya, Tan Sri Mustapha Kamal Abu Bakar berkata, ia meliputi aspek pemuliharaan alam sekitar yang menjamin keindahan Taman Negara Diraja Belum terpelihara.

Projek pembangunan itu akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dengan peringkat pertama bertempoh lima tahun menyaksikan pelaksanaan dalam tiga fasa melibatkan kos RM300 juta, kata beliau dalam satu taklimat media mengenai projek pembangunan Pulau Banding, di sini baru-baru ini.

Katanya, dalam fasa pertama yang akan dilancarkan bulan depan, syarikat itu akan menaikkan taraf kemudahan penginapan di Banding Island Resort (BIR), membina kawasan Rehat dan Rawat (R&R) dan pusat kajian yang bernilai RM100 juta.

"Kami memutuskan untuk membina pu-

**Kami memutuskan untuk membina pusat kajian dengan kos pembinaannya berjumlah RM6 juta lengkap dengan kemudahan asas untuk penyelidikan tempatan dan luar negara melakukan kajian**

sat kajian dengan kos pembinaannya berjumlah RM6 juta lengkap dengan kemudahan asas untuk penyelidikan tempatan dan luar negara melakukan kajian," jelas beliau.

Katanya, fasa kedua dalam peringkat pertama membabitkan pembangunan rumah ladang sebagai rumah peranginan yang ditawarkan kepada syarikat korporat dan pelancong luar negara melibatkan kos RM116 juta.

Mustapa Kamal berkata, bagi fasa ketiga pula syarikat akan menumpukan kepada pembinaan hotel peranginan bertaraf lima bintang di bahagian utara Pulau Banding untuk dijadikan tempat kunjungan pelancong yang ingin melawat Hutan Diraja Belum.

Beliau, bagaimanapun tidak menyatakan jumlah kos yang terlibat dalam fasa ketiga.

"Pulau ini akan menjadi pintu

masuk kepada pengunjung yang berminat dengan alam semula jadi terutama Hutan Diraja Belum.

"Hutan Diraja Belum yang berusia 130 juta tahun ini menyimpan khazanah alam dan warisan alam semula jadi dan berpotensi menjadi produk pelancongan yang berharga di mata dunia," katanya.

Pulau Banding yang terletak di Tasik Temenggor, Gerik, Perak itu menjadi laluan yang merentasi Lebuh raya Timur-Barat dari Gerik, Perak ke Jeli di Kelantan.

Perjalanan ke pulau itu mengambil masa kira-kira lima jam dari Kuala Lumpur dan kira-kira tiga jam dari Pulau Pinang.

Permit khas boleh diperolehi daripada Perbadanan Taman Negeri Perak juga diperlukan untuk pengunjung yang berhasrat untuk masuk ke Taman negara Diraja Belum dan proses itu memakan masa sekurang-kurangnya 10 hari.

**MUSTAPHA  
KAMAL ABU  
BAKAR**  
Pengerusi  
Eksekutifnya



**MUSTAPHA KAMAL ABU BAKAR**

Tambah Mustapha, pihaknya sentiasa memberi jaminan pembangunan di pulau itu tidak memberi kesan kepada alam sekitar kerana kerja akan dilakukan secara manual walaupun terpaksa menanggung kos tinggi.

"Apa yang penting alam sekitar dan kehidupan di kawasan itu tidak terjejas akibat pencemaran," kata beliau.